

Peluang calon MBA luaskan pengetahuan

» DARI MUKA 2

PROGRAM MBA di UM adalah program pengajian yang ketat. Ia bertujuan melengkapkan pelajar dengan konsep teori dan analisis yang menyediakan mereka untuk mengharungi cabaran serta kerumitan dunia perniagaan yang semakin dinamik dan global. Kursus ini distrukturkan untuk memberi pemahaman secara teori dengan masalah dunia sebenar melangkaui teori buku teks.

Melalui gabungan kuliah, kajian kes, tugas bertulis, projek kumpulan, pembentangan dan perbincangan kelas, setiap pelajar didedahkan kepada pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan untuk memahami, menganalisis serta menilai masalah sebenar untuk penyelesaian terbaik.

Kelayakan diperlukan pemohon untuk program MBA ini ialah memiliki ijazah sarjana muda atau kelayakan setaraf atau kelayakan profesional daripada organisasi yang diiktiraf dan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja selepas tamat pengajian.

Selain itu, UPM juga turut menawarkan program ini. Ia direka bentuk untuk melengkapkan pelajar dengan keupayaan berkesan dan cekap menguruskan orang ramai dan idea serta melatih mereka untuk berfikir secara strategik bagi menggerakkan organisasi mereka ke hadapan dalam persekitaran yang pesat dan mencabar.

Pelajar sepenuh masa dikehendaki men-

daftar untuk sekurang-kurangnya sembilan jam kredit setiap trimester. Mereka boleh melengkapkan program dalam empat hingga enam trimester. Pelajar dengan status sambilan juga perlu mendaftar untuk sekurang-kurangnya enam jam kredit setiap trimester dan boleh melengkapkan program itu pada enam hingga lapan trimester.

Bagi melayakkan ke pengajian program MBA UPM, pelajar mesti mempunyai ijazah keupujian dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 2.75 atau setaraf. Pemohon dengan PNGK di bawah 2.75 hanya akan dipertimbangkan jika mempunyai skor Ujian Kemasukan Pengurusan Siswazah (GMAT) minimum sebanyak 550 atau mempunyai pengalaman mencukupi bekerja di peringkat pengurusan dalam sesebuah organisasi atau mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf atau kelayakan lain yang diluluskan oleh senat UPM. Yuran pengajiannya adalah sebanyak RM25,900 bagi pelajar tempatan dan RM43,800 untuk pelajar antarabangsa.

Program MBA secara umumnya menajadi pilihan masyarakat dari segenap lapisan untuk meningkatkan kelayakan akademik dan menaikkan taraf hidup mereka. Ramai menyambung pengajian ke peringkat ini atas desakan atau tekanan dari organisasi atau syarikat tempat mereka bekerja. Kebanyakan organisasi dalam negara ini mahu meningkatkan kualiti kakitangan mereka terutama dari segi akademik. Di sinilah

pengajian di peringkat MBA ini berperanan dalam masyarakat.

Peluang Kerjaya

Peluang kerjaya yang tersedia dalam pengajian MBA amat luas, tidak hanya terhad kepada dunia perniagaan. Ramai berpendapat, graduan bagi program ini hanya mendapat tempat dalam organisasi korporat berasaskan perniagaan semata-mata. Tanggapan ini salah kerana ada graduan MBA yang menceburi bidang lain dari lapangan perniagaan.

Banyak organisasi dari agensi kerajaan dan swasta menerima graduan MBA dalam syarikat mereka. Bukan itu sahaja, di Malaysia secara amnya juga terdapat ramai graduan ini menceburi bidang keusahawanan dalam pelbagai pengkhususan. Ini membuktikan peluang kerjaya bagi graduan MBA amat luas.

INFO MBA

LALUAN PENGAJIAN MBA

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)



Diploma/STPM/Matrikulasi



Ijazah Sarjana Muda



Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)

MBA menjadi pilihan popular bagi masyarakat Malaysia.